

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA PERASMIAN MAJLIS  
MINGGU HALUAN SISWA UTeM SESI 2009/2010 BERTEMPAT DI  
DEWAN BANQUET SERI NEGERI AYER KEROH PADA 30 JUN 2009  
JAM 2.30 PETANG**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT DAN SALAM SEJAHTERA

YG BEHORMAT DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

YBHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Y. BHG PROFESOR DR ZOLKEPLI BIN BUANG  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI – PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SETERUSNYA MAHASISWA/I SERTA HADIRIN DAN HADIRAT YANG  
SAYA HORMATI

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT YANG  
TELAH MEMBERI KESEMPATAN UNTUK BERHIMPUN BERSAMA  
WARGA TERBARU UTeM IAITU SISWA/I BAGI SESI 2009/2010 DI  
DEWAN SERI NEGERI, PADA PETANG YG BERSEJARAHINI. TAHUN INI  
AMATLAH ISTIMEWA BAGI UTeM KERANA YANG BERHORMAT  
MENTERI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA SENDIRI  
IAITU DATUK SERI MOHD KHALED NORDIN TELAH SUDI HADIR  
BERSAMA UNTUK MENYAMBUT ANDA SEMUA DI MELAKA, NEGERI  
HANG TUAH YANG TIDAK ASING BAGI SEMUA RAKYAT JATI  
MALAYSIA.

SAYA BAGI PIHAK SELURUH WARGA UTEM MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA YB MENTERI, DATUK SERI, KE MAJLIS HALUAN SISWA UTeM DI MELAKAINI. KESUDIAN YB DATO' HADIR PADA PETANGINI DALAM KESIBUKAN TUGAS SEBAGAI MENTERI AMATLAH KAMI DIHARGAI DAN IANYA MEMBERI DORONGAN SEMANGAT KEPADA WARGA UNIVERSITI SELURUHNYA UNTUK TERUS BERUSAHA GIGIH MENCIPTA KECEMERLANGAN DIRI DAN UNIVERSITI.

JUGA SELAMAT DATANG KEPADA SEMUA SISWA/I BARU KE NEGERI BERSEJARAH YANG INDAH DAN HARMONISINI. SEKALIGUS SELAMAT MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KELUARGA UTeM SECARA RASMINYA. TIDAK LUPA SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI TAHNIAH KERANA TELAH TERPILIH MELANJUTKAN PELAJARAN DISINI. ANDA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA 37%+ KOHORT UMUR 17-23 TAHUN YANG BERJAYA MENDAPAT TEMPAT DI IPT DI MALAYSIA. RASA BERTUAHINI AMAT PENTING DISEDARI UNTUK TIDAK MENSIA-SIAKAN PELUANG YANG ADA DI HADAPAN.

YB DATO'/TUAN/PUAN/ PARA SISWA/I YANG SAYA HORMATI

UTeM TELAH DITUBUHKAN PADA DISEMBER 2000 DENGAN NAMA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) DAN MERUPAKAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE 14.

SEJAK AWAL PENUBUHANNYA SEHINGGA KINI UTeM TELAH MENGALAMI PERKEMBANGAN PESAT DARI SEGI PROGRAM AKADEMIK, SUMBER MANUSIA DAN PEMBANGUNAN FIZIKALKAMPUSNYA. UTeM TERUS MENDOKONG ASPRASI UNTUK MENCAPI VISION MENJADI UNIVERSITI TEKNIKAL TERKEMUKA DI DUNIA.

BAGI MENCAPI HASRATINI UTeM TELAH MENYEDIAKAN PELAN STRATEGIK UNIVERSITI 2009-2010 YANG KOMPREHENSIF, YANG BERSUMBERKAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN) SEBAGAI PANDUAN.

UNTUK PENGETAHUAN YB DATO DAN SISWA/I SEKELIAN,

UTeM KINI MENAWARKAN PENGAJIAN PADA PELBAGAI PERINGKAT TERMASUK DIPLOMA, IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH. BERMULA DARI PENGAMBILAN PELAJAR KUMPULAN PERTAMA SERAMAI 348 ORANG PADA JUN 2001, UTeM KINI MEMPUNYAI PELAJAR MELEBIHI **7,000** ORANG.

UTeM MENERIMA 1616 PELAJAR BARU BAGI SESI 2009/2010. BILANGAN PRA SISWAZAH YANG SEDIA ADALAH SERAMAI 5284 ORANG MANAKALA 274 PELAJAR PERINGKAT PASCA SISWAZAH. INI MENJADIKAN WARGA SISWA/I UTeM TELAH MENCECAH SEKITAR 7,200 ORANG. INI TIDAK TERMASUK KES RAYUAN YANG SEDANG DI BUKA SEKARANGINI.

SEBAGAI MAKLUMAN PERANGSANG BAGI SISWA/I BARU, SETAKATINI UTeM TELAH BERJAYA MENGELOUARKAN GRADUAN SERAMAI 4269 ORANG BERMULA DARIPADA KONVOKESYEN PERTAMA PADA TAHUN 2005.

ADALAH DIJANGKAKAN SERAMAI 1591 ORANG LAGI AKAN MENERIMA IJAZAH MASING-MASING PADA KONVOKESYEN KE 5, DI AWAL OKTOBER TAHUNINI DI DEWAN BESAR YANG BARU, KAMPUS INDUK DURIAN TUNGGAL NANTI. DETIK BERSEJARAHINI AKAN MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN GRADUAN UTeM MENINGKAT 5,860 ORANG. INI SATU PENCAPAIAN YANG MEMBERANSANGKAN DI DALAM MASA YANG AGAK SINGKAT DAN MELAMBANGKAN KEMATANGAN UTeM SENDIRI.

#### YB DATO'/TUAN/PUAN/ PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

PADA AWAL PENUBUHANNYA, UTeM MEMULAKAN OPERASINYA DI LOT RUMAH KEDAI DI TAMAN TASIK UTAMA, AYER KEROH. KEMUDIANNYA UNIVERSITI BEROPERASI DI TIGA KAMPUS IAITU KAMPUS INDUSTRI DI AYER KEROH, KAMPUS BANDAR DI JALAN HANG TUAH DAN KAMPUS INDUK DI DURIAN TUNGGAL. PENYUSUNAN/PENGSTRUKTURAN SEMULA KAMPUS UNIVERSITI TELAH DIBUAT UNTUK MENGOPTIMUMKAN SUMBER DAN MENINGKATKAN KESELESAAN PELAJAR. KINI UTeM AKAN MEMFOKUS OPERASI DARI DUA KAMPUS SAHAJA IAITU KAMPUS BANDAR DAN KAMPUS INDUK.

PENYUSUNAN SEMULA KAMPUS-KAMPUS UNIVERSITI INI TELAH DILAKSANAKAN MULAI JUN YANG LEPAS, APABILA TIGA FAKULTI YANG BEROPERASI DI KAMPUS INDUSTRI TELAH BERPINDAH KE KAMPUS INDUK IAITU FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL, FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN DAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI.

PERPINDAHAN KETIGA-TIGA FAKULTI INI TELAH MENCERIAKAN SUASANA PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI DI SAMPING DAPAT MENCAPI PEMBANGUNAN YANG LEBIH PROGRESIF APABILA TUMPUAN PENTADBIRAN, AKTIVITI PELAJAR SERTA AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERARAH KEPADA DUA KAMPUS SAHAJA. IA JUGA TELAH DAPAT MENGURANGKAN KOS PENGURUSAN MALAHAN TELAH DAPAT MENJIMATKAN MASA PELAJAR DAN PENSYARAH UNTUK BERULANG ALIK DARI TIGA KAMPUS YANG BERASINGAN.

TUMPUAN TERHADAP PEMBANGUNAN KAMPUS BANDAR AKAN TERARAH KEPADA BIDANG PENGURUSAN DAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT IAITU DENGAN MENEMPATKAN FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWAN SERTA PENAWARAN KURSUS-KURSUS JANGKA PENDEK DAN PROGRAM-PROGRAM EKSEKUTIF.

PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK UTeM MELALUI PERUNTUKAN DALAM RMK9 DIJANGKA AKAN SIAP SEPENUHNYA PADA PENGHujung TAHUN INI. IA TERMASUKLAH PEMBINAAN MASJID, PERPUSTAKAAN, PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH DAN PUSAT PERSATUAN PELAJAR. KEADAANINI SUDAH TENTUNYA MENYOKONG KE ARAH SUASANA PEMBELAJARAN YANG LEBIH CERIA DAN KONDUSIF KEPADA PELAJAR UTeM.

KESELESAAN PARA PELAJAR SENTIASA MENJADI PERHATIAN DAN KEUTAMAAN UNIVERSITI. BAGI MEMBERI KESELESAAN KEDIAMAN PELAJAR, UNIVERSITI TELAH MENAMBAHKAN BILANGAN ASRAMA TERMASUK DUA KEDIAMAN BARU IAITU PANGSAPURI EMERALD DAN TAMAN PERUMAHAN MURAI JAYA. INI TELAH MEMBOLEHKAN 2 PELAJAR DITEMPATKAN SEBILIK BERBANDING 3 ORANG SEBELUMNYA.

DARI ASPEK TEKNOLOGI MAKLUMAT, UNIVERSITI TELAH MENYEDIAKAN KEPERLUAN PELAJAR DENGAN MENYEDIAKAN PERKHIDMAT INTERNET SECARA PERCUMA DENGAN KAPISITI INTERNET KELUAR SEBANYAK 50 MEGABAIT PERSAAT. PELAJAR BOLEH MENGGUNAKAN KEMUDAHANINI DI MAKMAL KOMPUTER SERTA DEWAN CYBER YANG MENEMPATKAN 500 KOMPUTER. PENGGUNAAN INTERNET SECARA WIRELESS (RANGKAIAN TANPA WAYAR) JUGA TURUT DISEDIAKAN DI KAFETERIA DAN PERPUSTAKAAN DAN AKAN DIPERLUASKAN DI KAWASAN-KAWASAN LAIN DALAM KAMPUS BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN.

YB DATO'/TUAN/PUAN/ PARA MAHASISWA/I YANG DIHORMATI

SELEPAS LEBIH 8 TAHUN DITUBUHKAN, UTeM TELAH SEMAKIN BERPERANAN BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA. PIHAK UNIVERSITI AKAN TERUS MENUNAIKAN TANGGUNGJAWABNYA MENGELOUARKAN GRADUAN YANG BERKUALITI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUS TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWAN.

PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA YANG DIADAKAN MULAI 28 JUN SEHINGGA 03 JULAI INI ADALAH USAHA PIHAK UNIVERSITI UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA PARA SISWA/I BARU MENGENAI MAKLUMAT UNIVERSITI YANG PERLU DIKETAHUI BAGI MEMUDAHKAN URUSAN PEMBELAJARAN MEREKA DI SINI. IA TERMASUKLAH MAKLUMAT BERKAITAN PROGRAM AKADEMIK DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN YANG DISEDIAKAN OLEH UNIVERSITI. IA PENTING SEBAGAI PANDUAN KEPADA MEREKA MENJALANI PROSES PEMBELAJARAN SEPANJANG MENUNTUT DI SINI.

MINGGU HALUAN SISWA YANG DIADAKANINI MERUPAKAN TEMPOH KEPADA SISWA/I BARU MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SUASANA PEMBELAJARAN UNIVERSITI YANG BERBEZA DENGAN ALAM PERSEKOLAHAN. HARI INI ANDA TELAH MENCAPAI IMPIAN UNTUK BERADA DI UNIVERSITI ATAU MENARA GADING IAITU CITA-CITA YANG TELAH DITANAM SEJAK DI BANGKU SEKOLAH LAGI.

UNTUK ITU APABILA BERADA DI SINI JANGAN DISIA-SIAKAN PELUANG YANG ADA. BERUSAHALAH DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENJADI PELAJAR CEMERLANG ATAU MODAL INSAN KELAS

PERTAMA, YANG SETERUSNYA MENYUMBANG KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA. INI MENUNTUT SISWA/I MEMPERKASAKAN DIRI DENGAN MEMILIKI KESARJANAAN ILMU, KETERAMPILAN SAHSIAH DIRI, KECEMERLANGAN KEPIMPINAN DAN MENGUASAI KEMAHIRAN INSANIAH.

SESUNGGUHNYA ILMU MEMAINKAN PERANAN YANG CUKUP PENTING DALAM MEMBANGUNKAN TAMADUN MANUSIA. DUNIA GLOBALISASI HARI INI MEMERLUKAN MODAL INSAN YANG BERPENGETAHUAN LUAS UNTUK BERSAING KHUSUSNYA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

ILMU YANG DIPEROLEHI MEMERLUKAN PENGHAYATAN DAN DIAPLIKASIKAN DALAM KEHIDUPAN, YANG SETERUSNYA MEMBENTUK PRINSIP HIDUP DAN MEMBINA MINDA. MAHASISWA YANG BERILMU BERTINDAK SECARA PROAKTIF, PROGRESIF DAN DINAMIK UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA KE ARAH NEGARA INDUSTRI DAN MALAYSIA MAJU.

SEPERKARA LAGI YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN OLEH SISWA/ SEKALIAN IALAH MENJAGA PERPADUAN WARGA KAMPUS. WARGA KAMPUS PERLU MENGAMBIL KESEMPATAN BERINTERAKSI DENGAN PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT DAN KAUM YANG ADA DI DALAM KAMPUS. INI AKAN MENGERATKAN PERPADUAN KAUM DAN MENYEMAI PERASAAN TOLERANSI, YANG PADA FIKIRAN SAYA SEMAKIN DIPINGGIRKAN OLEH GENERASI SEKARANG.

BERTEPATAN DENGAN TEMA MINGGU HALUAN SISWA INI IAITU “MENUJU PUNCAK KEGEMILANGAN” MAKA MAHASISWA-MAHASISWI HARI INI PERLU MEMAHAMI BAHAWA MEREKA ADALAH HARAPAN UNTUK MENERUSKAN KECEMERLANGAN YANG TELAH DICAPAI OLEH NEGARA SEKARANG .

UNTUK MEMASTIKAN IA MENJADI KENYATAAN, MAKA SISWA/I PERLU MEMPUNYAI PERSONALITI UNGGUL DENGAN MENANAMKAN NILAI-NILAI POSITIF SEPERTI JATI DIRI, BERKEYAKINAN TINGGI, BERWIBAWA, MAMPU BEKERJASAMA, BERTOLERANSI DAN BERFIKIRIAN TERBUKA. TUTUTAN SEMASA AMAT PERLU MENGUASAI KEMAHIRAN INSANIAH BAGI MENDEPANI ARUS

GLOBALISASI YANG SEMAKIN DERAS UNTUK TERUS KOMPETATIF,  
DAN INGATLAH BAHAWA SISWA/I ADALAH ASET YANG SANGAT  
BERHARGA KEPADA NEGARA.

AKHIR KATA SAYA MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH SEKALI  
LAGI KEPADA YB. DATO SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN,  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA KERANA MELAPANGKAN  
MASA PADA MAJLISINI. KEPADA SEMUA PARA MAHASISWA-  
MAHASISWI SAYA UCAPKAN SEMOGA MAJU JAYA SEMASA  
MENUNTUT DI UTeMINI.

#### TIGA RANGKAP PANTUN DARIPADA SAYA

DAYUNG SAMPAN TUJU HALUAN  
MEMBAWA KAIN BERSAMA REMPAH  
KALAU ILMU TIDAK DIAMALKAN  
IBARAT POKOK TIDAK BERBUAH

TUMBUH RENDANG POHON KEPAYANG  
TEMPAT HINGGAP BURUNG KENARI  
KEJAYAAN TAK DATANG MELAYANG  
TANPA USAHA DIRI SENDIRI

YB MENTERI DATANG KE MARI  
DALAM MAJLIS PENUH NASIHAT  
RINDU SUNGGUH KAMI MENANTI  
NASIHAT MENTERI SENTIASA DIINGAT

SEKIAN TERIMA KASIH.  
WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASALAMUALIKUM ASM WRT WBT.  
WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASALAMUALIKUM ASM WRT WBT.